

IQRA'



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

BULETIN PERPUSTAKAAN

PERCUMA

Isu No. 9

Jan 2012

ISSN 1985-174X

<http://lib.usim.edu.my>



TAHNIAH

DI ATAS PENERIMAAN
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR 2010
PADA 20 SEPTEMBER 2011

ISSN 1985-174X



9 771985 174000



SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 5249

SIDANG REDAKSI BULETIN IQRA'

Sidang Redaksi Buletin Iqra'

Penasihat/Ketua Editor :
Ketua Pustakawan

Editor :
Pn. Nor Azzah bt. Momin

Pembantu Editor :
Pn. Hasmida bt. Saleh

Pembantu Penerbitan :
Pn. Nor Faizda Doriat
Pn. Azreena Surya bt. Ahmad

Wartawan :
Pn. Wan Azura bt. Radzuan
Pn. Nur Zuhaini bt. Yahya

Jurugambar :
En. Hasrizal b. Yahya

Pemasaran/Edaran :
Cik Aishah Tun bt. Abd. Majid
Cik Suharti bt. Tulos @ Abd Jalil

Buletin IQRA' diterbitkan setiap empat bulan sekali mulai Jun 2007. Buletin ini memuatkan rencana, berita, ulasan buku dan bahan lain yang berkaitan dengan Jabatan perpustakaan USIM. Untuk sebarang maklumat lanjut, pertanyaan, komen atau cadangan, kiriman bahan boleh diajukan kepada:

Editor,
Buletin IQRA'
Perpustakaan,
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel. : 06-798 6201/6202
Faks. : 06-799 3508
E-Mel : su.perpustakaan@usim.edu.my /
norazzah@usim.edu.my

Diterbitkan oleh:
Jabatan Perpustakaan,
Universiti Sains Islam Malaysia.



Kata-kata Aluan Editor

Kata-kata aluan Editor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Ilahi atas kesempatan pihak Perpustakaan menerbitkan Buletin Iqra' ini untuk kali kesembilan.

Penerbitan kali ini akan memberikan lebih banyak maklumat kepada pengguna berkenaan kemudahan-kemudahan di Perpustakaan. Begitu juga dengan penerangan-penerangan yang lebih mendalam berkenaan sesuatu perkhidmatan. Di samping itu, berita-berita dan artikel-artikel berkenaan Perpustakaan, turut dimuatkan.

Sasaran kami pada tahun 2012 adalah untuk memaksimumkan penggunaan Perpustakaan di kalangan warga USIM.

Moga ianya akan terlaksana dengan adanya sokongan daripada semua warga USIM.

Sila layari laman web, blog serta Facebook Perpustakaan USIM bagi mendapatkan informasi terkini.

Selamat membaca. Terima kasih. Wassalam.

NOR AZZAH MOMIN
Editor

Laman web Perpustakaan
-<http://lib.usim.edu.my/>
Laman OPAC Perpustakaan
-<http://library.usim.edu.my/>
Blog Perpustakaan
- <http://usim-lib.blogspot.com/>
Facebook Perpustakaan
- <http://www.facebook.com/people/Usim-Lib>



Perutusan Ketua Pustakawan **USIM**

Tahun 2012 menjanjikan kakitangan USIM bertekad terbilang (Simply Inspiring). Bagi mencapai sasaran kerja pada tahun ini semua kakitangan Perpustakaan akan memberikan komitmen yang tinggi agar mereka menjadi ikon kepada kakitangan USIM yang lain.

Bercita-cita menjadi kakitangan Abrar agar cogan kata bertekad terbilang dapat dicapai. Pihak pentadbiran perpustakaan akan berusaha bagi memimpin kakitangan menjadi Abrar melalui beberapa aktiviti dan latihan yang mengarah kepada insan yang berbakti.

Sifat berbakti ini penting supaya kita dapat membangunkan universiti menjadi gemilang. Kakitangan akan diterapkan dengan budaya berfikiran positif tentang bagaimana cara untuk mengembangkan dan memajukan ilmu berteraskan Islam. Dalam kerja harian kakitangan disarankan agar lebih bersikap positif, mengelakkan pembaziran, menggunakan sumber dengan cekap, melaksanakan aktiviti yang mempunyai impak yang besar terhadap warga universiti, dan memanfaatkan masa dengan berkesan.

Pihak Pentadbiran USIM telah menggariskan halatuju universiti yang jelas dengan melaksanakan 6 KRA Universiti. Penghayatan KRA oleh warga Universiti dapat memantapkan lagi dalam mencapai halatuju USIM. Menjadi harapan pengurusan perpustakaan agar perkhidmatan perpustakaan dapat memacu pencapaian KRA USIM.

Dalam usaha menyokong halatuju KRA USIM, Perpustakaan USIM sentiasa memikirkan kaedah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan perpustakaan seperti program bacaan pantas, meningkatkan kaedah bimbingan pencarian maklumat yang tepat dan dipercayai, masa menunggu perolehan bahan yang realistik dan cepat, infrastruktur yang kondusif bagi pengguna dan meningkatkan jumlah pembacaan. Akhir kata saya mengalukan seluruh warga USIM, khususnya kakitangan Jabatan Perpustakaan untuk terus bertekad gemilang bersama USIM.

Terima kasih.

JASMIN JAIMON



FAQ's e-Imtiyaz

1. Apa itu e-Imtiyaz?
e-Imtiyaz adalah Sistem Pengurusan Dokumen Digital USIM yang berfungsi sebagai repositori semua bahan-bahan maklumat digital yang berkaitan dengan USIM sebagai rujukan pengguna dan boleh diakses diseluruh dunia.
2. Bagaimana untuk mengakses e-Imtiyaz?
Anda boleh mengakses ke alamat <http://ddms.usim.edu.my> atau ke laman web Perpustakaan <http://lib.usim.edu.my> dan klik pada e-Imtiyaz dalam ruangan e-Application.
3. Apakah bahan rujukan yang saya boleh dapat dalam e-Imtiyaz?
Menerusi e-Imtiyaz anda boleh merujuk bahan digital seperti:
 - a. *Projek Ilmiah Pelajar*
 - b. *Kertas Persidangan*
 - c. *Koleksi Soalan Peperiksaan*
 - d. *Keratan Akhbar*
 - e. *Laporan Penyelidikan*
 - f. *Tesis (Master dan PhD)*
 - g. *Koleksi Arkib USIM (Laporan Tahunan, Buletin, Nota dan Artikel Pensyarah dan Penerbitan USIM)*
 - h. *Buku Terbitan USIM*
 - i. *Jurnal Terbitan USIM*
 - j. *Video Temuramah berkaitan Penubuhan USIM*
4. Perlukah saya mendaftar dahulu sebelum mengakses e-Imtiyaz?
Tidak perlu. Semua bahan dalam e-Imtiyaz boleh dirujuk tanpa had dan kata laluan.
5. Bolehkah saya mengakses bahan digital e-Imtiyaz bila berada di luar kampus?
Boleh. Kecuali Koleksi Soalan Peperiksaan memerlukan kata laluan jika diakses daripada luar kampus.
6. Bagaimana cara untuk mendaftar dalam e-Imtiyaz?
Klik 'Sign in' pada ruangan 'Login' dan klik pada 'Register new user'. Masukkan alamat emel anda yang aktif. Log in alamat emel yang anda daftarkan tadi dan lengkapkan maklumat ringkas yang diminta.
7. Siapa yang perlu saya rujuk jika terdapat masalah semasa mengakses e-Imtiyaz?
Pengguna boleh kirim emel kepada admin e-Imtiyaz dengan klik pada 'Contact us' pada ruangan 'Information'. Pengguna juga boleh menghubungi terus Pustakawan Unit Pengurusan Ilmu di talian 6231 atau emel harianti@usim.edu.my. Selain itu, boleh juga merujuk kepada pustakawan yang bertugas di Meja Penasihat Pengguna di Perpustakaan USIM.
8. Bolehkah bahan digital e-Imtiyaz dimuat turun, disalin atau dicetak?
Boleh. Kecuali Koleksi Soalan Peperiksaan.



9. Adakah bahan digital e-Imtiyaz berbentuk fulltext?
Ya. Kecuali bagi koleksi berikut kerana tertakluk kepada akta hak cipta (copyright):
- Projek Ilmiah Pelajar*
 - Tesis (Master dan PhD)*
 - Buku Terbitan USIM*
 - Jurnal Terbitan USIM*
10. Bagaimana untuk mendapatkan fulltext bahan digital yang dikehendaki?
Bagi Projek ilmiah Pelajar dan Tesis, pengguna boleh mendapatkan bahan bercetak di Koleksi Bertanda Merah (Red Spot) Perpustakaan USIM. Manakala bagi Buku dan Jurnal Terbitan USIM boleh dipinjam di rak terbuka Perpustakaan USIM.
11. Bolehkah saya memuat naik bahan ke e-Imtiyaz?
Boleh. Tetapi kelayakan hanya diberi kepada pensyarah dan kakitangan akademik USIM sahaja.
12. Bagaimana cara untuk mencari bahan dalam e-Imtiyaz?
Carian bahan boleh dibuat melalui nama pengarang, tajuk, subjek, koleksi atau tarikh muat naik bahan.

The screenshot shows the e-Imtiyaz website interface. At the top, there is a navigation bar with the text "e-Imtiyaz repository for digital content" and a "Login" button. Below this is a "Home" button. A welcome message reads: "Welcome to e-Imtiyaz @ USIM. e-Imtiyaz is a repository for digital content of Islamic Science University of Malaysia(USIM)".

The main content area includes a "Search e-Imtiyaz" section with a search input field, a dropdown menu set to "All of Repository", and a "Search" button. Below the search bar is an "Advanced Search" link. A "What's Hot" section features four buttons: "Exam Paper", "Newspaper", "Thesis", and "Project Paper", each with a book icon.

On the right side, there is a "USIM Search" sidebar containing a "Login" section with an "Email" input field, a password field (represented by dots), and a "Sign in" button. Below the login section is a "Browse" section with a "Browse" button and a link to "All of Repository" with a sub-link for "Collections".

The browser's address bar shows "ddms.usim.edu.my". The taskbar at the bottom displays various open applications and the system clock showing "14:54".

BERITA PENCAPAIAN KEMENANGAN PERPUSTAKAAN MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN DAN INOVASI TAHUN 2010

USIM telah menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan & Inovasi Tahunan 2010 (AKI 2010) pada 20 September 2011 bertempat di Dewan Kuliah Pusat 3. Perpustakaan telah memenangi beberapa Anugerah dalam majlis tersebut.

Perpustakaan julung kalinya memenangi kategori Anugerah Khas yang dipertandingkan iaitu Anugerah Kualiti Naib Canselor dan membolehkan RM10,000.00 dibawa pulang. Selain itu, dalam kategori yang sama, Perpustakaan turut memenangi Anugerah Inovasi dan Rekacipta dengan rekaan Sistem Statistic Information Centre (SIC) oleh Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK), Vitalize. Kumpulan ini, telah membawa pulang sebanyak RM5,000.00. Selain itu, Perpustakaan turut menjadi pemenang Pertandingan Laman Web Pusat Tanggungjawab (PTJ) peringkat USIM dengan mendapat tempat pertama bagi kategori Pentadbiran. Hadiah yang ditawarkan adalah sebanyak RM500.00.

Bagi kategori Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 3 orang kakitangan Perpustakaan iaitu Puan Harianti Husain, Pustakawan Unit Pengurusan Ilmu, Puan Rozana Kamdani, Pustakawan Unit Automasi dan Encik Mohd Jamil Ahmad Mokhtor, Pembantu Perpustakaan Unit Terbitan Bersiri telah berjaya memperolehi anugerah ini. Manakala bagi kategori Anugerah Terpuji, 2 orang kakitangan Perpustakaan iaitu Encik Marzuki Ismail, Pembantu Perpustakaan Kanan, Bahagian Perkhidmatan dan juga Cik Siti Nadzirah Saibani, Pembantu Perpustakaan, Cawangan Pandan Indah telah berjaya memperolehi anugerah ini.



ANUGERAH INOVASI DAN REKACIPTA

Kumpulan KIK Vitalize telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Inovasi dan Rekacipta 2010 (Kategori Pentadbiran) dengan projek Sistem 'Statistic Information Center' SIC dan membawa pulang wang tunai berjumlah RM 5,000.00, sebuah piala dan sijil penghargaan. Anugerah telah disampaikan oleh Y. Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda, Naib Canselor USIM, pada 20 September 2011 bersempena dengan Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi.

KONVENSIEN KIK USIM

Kumpulan VITALIZE daripada Jabatan Perpustakaan sekali lagi berjaya merangkul tempat pertama di dalam Konvensyen KIK peringkat USIM 2011 yang diadakan pada 11 Januari 2012. Pada kali ini KIK VITALIZE tampil dengan tajuk projek 'Memudahkan Pengguna Mendapatkan Bahan di Rak Perpustakaan'. Selain itu, KIK VITALIZE juga turut mengungguli kategori Persembahan Terbaik dan Fasilitator Terbaik. Hadiah yang telah dibawa pulang adalah wang tunai berjumlah RM 2,000.00, sebuah piala dan sijil penghargaan. Hadiah disampaikan oleh Y. Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda, Naib Canselor USIM.

Kenapa enggan berkongsi maklumat?

Oleh : Marhaniza Abdul Halim
Pustakawan Kanan, Bahagian Pengurusan

Perkongsian maklumat merupakan strategi dan rahsia kejayaan sesebuah organisasi. Ia merupakan mekanisme dalam dapatan sumber bagi penyelesaian masalah. Namun dengan adanya persaingan antara satu sama lain, ianya menjadi suatu halangan bagi memonopoli sesuatu perniagaan. Kajian menunjukkan terdapat 3 halangan dalam perkongsian maklumat.

Halangan individu merupakan faktor utama keengganan berkongsi maklumat. Mereka akan merasakan bahawa jika perkongsian maklumat berlaku, ianya akan merugikan dan memenangkan sebelah pihak sahaja. Selain itu kepercayaan terhadap perkongsian maklumat juga sudah tiada, dan perkongsian selalunya diharap akan diakhiri dengan penghargaan dan pengiktirafan. Kekurangan pengetahuan berkaitan kelebihan perkongsian maklumat menyebabkan seseorang lebih suka menyimpan dan menggunakan maklumat yang diperolehi secara peribadi. Ini bagi menampakkan kewibawaan dalam sesebuah organisasi didominasi oleh segelintir kakitangan yang bermaklumat sahaja. Selain itu masalah komunikasi dan penulisan juga merupakan halangan bagi perkongsian maklumat. Ini kerana maklumat yang hendak di sampaikan tidak dapat difahami dan digunakan sepenuhnya.

Selain itu dalam halangan individu juga dapat dikaitkan faktor usia dan faktor gender yang menjadi halangan kepada perkongsian maklumat. Ia menjurus kepada kesukaran untuk berinteraksi antara golongan tua dan golongan muda dan kaum lelaki dan perempuan. Faktor kelayakkan akademik juga kadangkala dilihat sebagai halangan dalam perkongsian maklumat dimana ada jurang komunikasi di antara satu sama lain.

Halangan organisasi juga merupakan faktor kenapa enggan berkongsi maklumat. Ianya disebabkan tiada maklumat berkaitan faedah perkongsian maklumat dikalangan staf. Staf akan merasakan bahawa maklumat dan ilmu yang mereka ada tidak perlu dikongsi kerana dikhuatiri akan digelar sebagai 'nak tunjuk pandai'. Dalam organisasi kerajaan halangan organisasi dalam perkongsian maklumat mempunyai kaitan dengan ganjaran yang diperolehi. Ianya tidak disediakan dan ini berbeza daripada sektor swasta yang menyediakan beberapa ganjaran menarik bagi menarik staf berkongsi maklumat sekaligus menaikkan kreativiti dan produktiviti syarikat.

Halangan teknologi juga mengundang kesukaran perkongsian maklumat. Ini kerana terdapat jurang teknologi antara satu sama lain. Organisasi yang terkehadapan akan lebih maju manakala organisasi yang tidak berjaya memperolehi dan menggunakan sistem dan teknologi yang sama tidak dapat memperolehi maklumat yang berkaitan. Kadangkala terdapat sistem bagi sesebuah organisasi yang diperolehi dan tidak sejajar dengan proses kerja seharian. Ini akan menyebabkan proses kerja akan terganggu kerana menggunakan sistem yang sedia ada yang tidak relevan dengan tugas. Sistem yang sama bagi proses kerja yang berlainan akan mengundang kepada halangan dalam perkongsian maklumat. Staf perlu bijak dalam pengurusan teknologi agar maklumat yang terkandung dalam sistem tersebut dapat diperolehi dan dikongsi bersama.

E-JOURNALS

USIM library has subscribed to 5 title of e-journal that are:

1. Nature
2. Nature Physics
3. Nature Materials
4. Nature
5. Nature Photonics

NATURE

Aims and scope

Nature is a weekly international journal publishing the finest peer-reviewed research in all fields of science and technology on the basis of its originality, importance, interdisciplinary interest, timeliness, accessibility, elegance and surprising conclusions. Nature also provides rapid, authoritative, insightful and arresting news and interpretation of topical and coming trends affecting science, scientists and the wider public.

Citations and Impact Factor

Nature is the world's most highly cited interdisciplinary science journal, according to the 2010 Journal Citation Reports Science Edition (Thomson Reuters, 2011). Its Impact Factor is **36.101**.

NATURE PHYSICS

Aims and scope of the journal

Nature Physics publishes papers of the highest quality and significance in all areas of physics, pure and applied. The journal content reflects core physics disciplines, but is also open to a broad range of topics whose central theme falls within the bounds of physics. Theoretical physics, particularly where it is pertinent to experiment, also features. Research areas covered in the journal include Quantum physics, Atomic and molecular physics, Statistical physics, thermodynamics and nonlinear dynamics, Condensed-matter physics, Fluid dynamics, Optical physics, Chemical physics and Geophysics.

The 2010 ISI impact factor for Nature Physics is **18.423**, according to the ISI Journal Citation Reports.

NATURE MATERIALS

Aims and scope of the journal


Nature Materials is a monthly multi-disciplinary journal aimed at bringing together cutting-edge research across the entire spectrum of materials science and engineering. Materials research is a diverse and fast-growing discipline, which has moved from a largely applied, engineering

focus to a position where it has an increasing impact on other classical disciplines such as physics, chemistry and biology. Nature Materials covers all applied and fundamental aspects of the synthesis/processing, structure/composition, properties and performance of materials, where "materials" are identified as substances in the condensed states (liquid, solid, colloidal) designed or manipulated for technological ends.


The 2010 ISI impact factor for Nature Materials is 29.897, according to the ISI Journal Citation Reports.

How to Access?

1. Please visit URL <http://lib.usim.edu.my/>
2. Click Online database E-Journal



3. Access outside USIM campus, please Log in through Ez Proxy. It allows authorized users to access electronic resources and subscribed databases remotely from off campus through USIM Library website. In order to use it, users have to login to the system by using the Library Account username and password.





KOLEKSI PERPUSTAKAAN

Koleksi Rak Terbuka

Koleksi ini terdiri daripada buku-buku dalam pelbagai bidang dan subjek. Semua buku dalam koleksi ini boleh dipinjam mengikut kelayakan masing-masing. Ia ditempatkan di Aras 1.

Koleksi Khas

Koleksi ini mengandungi pecahan koleksi-koleksi lain seperti berikut:

- Koleksi Bertanda Merah (buku teks dan buku rujukan utama)
- Koleksi Tesis
- Koleksi Penyelidikan
- Koleksi Kertas Soalan Peperiksaan
- Koleksi Peta
- Koleksi Laporan Tahunan
- Koleksi Terbitan Bersiri (Kebelakangan)
- Koleksi Surat Khabar Kebelakangan
- Koleksi Universiti-universiti

*Bahan-bahan ini ditempatkan di satu ruangan khas dan hanya boleh dipinjam selama 2 jam sahaja. Peminjaman bahan boleh dilakukan melalui Kaunter Sirkulasi di Aras 1.

Koleksi Undang-undang

Koleksi ini mengandungi bahan-bahan yang berkaitan dengan subjek undang-undang yang merangkumi:

- (A) Akta (termasuk pindaan) dan Statut
- (B) Laporan dan Komentari
- (C) Serial (Jurnal dan Majalah)
- (D) Buku


Koleksi Rujukan

Koleksi ini terdiri daripada ensiklopedia, kamus, tesaurus, bibliografi, buku isitilah, statistik, indeks, dan lain-lain lagi. Koleksi ini hanya boleh dirujuk dalam Perpustakaan dan ditempatkan di Aras 2.

Koleksi Perseorangan

Koleksi ini merupakan bahan sumbangan oleh individu atau orang perseorangan dalam kuantiti yang banyak dan mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh Perpustakaan. Pada masa kini, Perpustakaan telah mempunyai 4 buah koleksi iaitu:

- Koleksi Allahyarham Tuan Haji Mashadi Salamon (thm)
- Koleksi Prof. Madya Dr. Wan Chik Wan Ibrahim (wci)
- Koleksi Tan Sri Dato' Abdul Kader Talip (akt)
- Koleksi Dato' Hj. Mohd. Mortadza Hj. Daud (mmd)



Nombor panggilan bagi koleksi ini dimulai dengan singkatan khas seperti yang dinyatakan di atas supaya dapat dibezakan antara satu sama lain. Koleksi ini ditempatkan di Aras 2 dan hanya boleh dirujuk di dalam Perpustakaan sahaja.

Koleksi Terbitan Bersiri Terkini

Koleksi ini menempatkan bahan berkala seperti jurnal, majalah, buletin, dan akhbar. Ia hanya boleh dirujuk di Perpustakaan dan boleh didapati di Aras 2.

Koleksi Terbitan Bersiri Berjilid

Sebaik sahaja isu dan volume bagi terbitan bersiri telah cukup dan genap setahun, ia akan dijilid dan ditempatkan juga di Aras 2 tetapi di bahagian yang berjilid.

Koleksi Malaysiana

Koleksi ini secara khususnya menempatkan bahan yang berkaitan dengan Malaysia. Ia merangkumi buku, ensiklopedia, kamus, dan lain-lain. Bahan ini hanya boleh dirujuk di Perpustakaan dan ditempatkan di Aras 2.

Koleksi Haram

Bahan-bahan dalam koleksi ini hanya untuk rujukan sahaja. Pengguna yang ingin merujuk perlu mendapat atau membawa surat kebenaran daripada Dekan atau Ketua Jabatan. Semua urusan yang berkaitan dengan koleksi ini boleh dirujuk kepada Unit Sirkulasi di Aras 2.

Tempahan Bahan Atas Talian

Tempahan bahan maklumat boleh dilakukan secara atas talian melalui OPAC dengan memasukkan ID dan kata laluan di *Patron Access*. Walau bagaimanapun, tempahan hanya dibenarkan bagi bahan yang telah dipinjam oleh pengguna lain. Bahan yang berstatus *Available* ataupun ada di atas rak tidak boleh ditempah.

Pembaharuan Pinjaman Atas Talian

Perkhidmatan ini memudahkan pengguna untuk memperbaharui pinjaman mereka dengan login ke OPAC Patron Access. Namun, pembaharuan pinjaman hanya boleh dilakukan 2 kali secara maksimumnya melalui atas talian.

KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN


Bilik Perbincangan



Terdapat 8 unit bilik perbincangan yang terletak di aras 1 dan 2. Bilik-bilik ini berbeza dari segi kapasiti dan dilengkapi dengan papan putih, *flip chart*, dan meja perbincangan. Walaubagaimanapun, pengguna-pengguna perlu mendaftar terlebih dahulu di Kaunter Sirkulasi sebelum menggunakan bilik-bilik tersebut. Butiran lanjut mengenainya seperti yang terdapat di bawah ini:

Bilik	Lokasi	Kapasiti
al-Farabi 1	Level 1 (Ruang Bacaan Terbuka)	10
al-Farabi 2	Level 1 (Ruang Lobi)	,
al-Farabi 3	Level 1 (Ruang Lobi)	,
al-Biruni 1	Level 2 (Ruang Koleksi Rujukan)	
al-Biruni 2	Level 2 (Ruang Koleksi Rujukan)	
al-Biruni 3	Level 2 (Ruang Koleksi Rujukan)	
al-Biruni 4	Level 2 (Ruang Koleksi Undang-undang)	
al-Biruni 5	Level 2 (Ruang Koleksi Undang-undang)	

Bilik Karel



Bilik-bilik karel disediakan bagi pengguna-pengguna yang ingin belajar seorang diri dalam suasana yang tenang. Bilik-bilik tersebut dilengkapi dengan satu set meja belajar dan setiap bilik hanya boleh memuatkan seorang pengguna dalam satu-satu masa.

Walaupun bagaimanapun, pengguna-pengguna dikehendaki untuk mendaftar terlebih dahulu di Kaunter Sirkulasi sebelum menggunakan bilik-bilik tersebut. Keterangan lanjut mengenainya seperti di bawah:

Nombor Bilik	Lokasi	Unit
1.1 -1.26	Level 1 (Lobi)	26
2.1 -2.3	Level 2 (Koleksi Undang-undang)	-

Bilik Transit Pensyarah



Bertempat di Aras 1 (Lobi Perpustakaan), bilik ini disediakan khas untuk ahli akademik atau pensyarah yang ingin membaca, membuat kajian, beristirehat, atau apa juga aktiviti yang bersesuaian. Ia berkapasiti 12 orang dan antara kemudahan yang disediakan adalah 4 unit ruang kerja, komputer dengan capaian Internet, meja perbincangan, TV plasma beserta Astro, telefon, dan sofa.

Kaunter Sirkulasi



Kaunter ini bertujuan untuk memudahkan urusan harian pengguna bagi meminjam dan memulangkan bahan perpustakaan, pembayaran denda, penempahan bilik karek dan lain-lain lagi. Ia terletak di aras 1 dan juga diuruskan oleh Pembantu Perpustakaan.

ANUGERAH PUSTAKAWAN HARAPAN PPM 2010

NOR AZZAH MOMIN

Kelulusan: M. Sc. Info. Mgmt. (UiTM), Post. Grad. Dip. Lib. Sc. (UiTM), B.A. (Hons) IRKH (UIAM), Dip. Penterjemahan (Komunikasi Massa) (DBP).

PERKHIDMATAN :

- i. Pustakawan di Perpustakaan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang kemudiannya dikenali sebagai Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 18.09.2000 sehingga kini.
- ii. Eksekutif Perpustakaan di Perpustakaan Kolej Yayasan Pelajaran MARA pada September 1997 sehingga September 2000.
- iii. Penolong Pegawai Perpustakaan di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) pada Julai 1997 sehingga September 1997

ANUGERAH/PENCAPAIAN :

- i. Anugerah Pustakawan Harapan PPM 2010, oleh Persatuan Pustakawan Malaysia, pada 23 Mei 2011
- ii. Staf Contoh bagi bulan Februari 2011, Jabatan Perpustakaan, USIM.
- iii. Pemenang Sagu Hati, Peraduan Mengarang Esei 2008, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- iv. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang – 2007, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- v. Fasilitator Terbaik, Konvensyen KMK Peringkat Universiti – 2005, KUIM.
- vi. Sijil Anugerah Khas – 2002, KUIM.

PEMBENTANGAN KERTAS KERJA / PENCERAMAH :

- i. Kertas Kerja: "The Effectiveness of Searching Arabic Resources through OPAC: a Case Study in USIM Library", Penulisan bersama – Pn. Putri Saniah Megat Abdul Rahman. Dibentangkan sendiri di Seminar Kebangsaan Perpustakaan Akademik 2011. Anjuran Persatuan Pustakawan Malaysia (Jawatankuasa tetap Perpustakaan Akademik) pada 07 Julai 2011.
- ii. Demonstrator bagi Kelas Tutorial bagi Subjek Pengenalan Kepada Organisasi Perpustakaan (SKF 3043), Lantikan oleh Fakulti Sains & Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia, bagi Sesi 2009/2010 – Semester 1 & Sesi 2010/2011 - Semester 1
- iii. Kertas Kerja: "Penghasilan Bahan Bacaan Braille Di USIM: Projek Transkripsi Buku Iqra'", penulisan bersama - Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. Dibentangkan sendiri di Seminar Perkhidmatan Perpustakaan Untuk Golongan Khas. Anjuran Persatuan Pustakawan Malaysia (Kumpulan Utara), 27 Mei 2010.
- iv. Penceramah dalam Ruangan Santapan Rohani: "Membudayakan Amalan Membaca". Disiarkan di USIM Online - <http://www.usimonline.my/ms/video/viewcategory/14/santapan-rohani.html>, Telah dilihat sebanyak 3803 kali (Catatan pada 18 Mei 2011).
- v. Kertas Kerja: "Enhancing Islamic Cataloguing System and Cataloguer: an Approach to the Managerial Concept of Human and Material Resources". Penulisan bersama – Pn. Khatijah Othman. Dibentangkan di World Congress of Muslim Librarians & Information Scientist (wCOMLIS2008), di Putra World Trade Centre (PWTC), anjuran Perpustakaan USIM, UIA dengan kerjasama PPM dan KPIM, pada 25 – 27 November 2008.
- vi. Kertas Kerja: "Peranan Perpustakaan Masjid dalam Proses Penyebaran Ilmu dan Maklumat Islam di Kalangan Masyarakat: Kajian Kes di Perpustakaan Al-Azim, Masjid Al-Azim, Bukit Palah, Melaka", Dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid di Langkawi, 2004.
- vii. Dan penulisan lain di akhbar, majalah dan buletin.




BERITA CIBF 2011

Pesta Buku Antarabangsa Kaherah 2011.


Sempena Pesta Buku Antarabangsa Kaherah 2011, rombongan USIM yang terdiri dari 3 orang pensyarah dari 3 fakulti yang berbeza, iaitu, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, dan Fakulti Syariah dan Undang-undang dan seorang Pustakawan telah turut menyertainya bagi membuat pemilihan bahan-bahan Perpustakaan di sana. Turut menyertainya adalah syarikat pembekal buku IBZ Resources yang membawa rombongan USIM ke sana. Rombongan USIM selamat sampai di Mesir pada 25 Januari 2011, dan sementara menunggu Pesta Buku Antarabangsa Kaherah yang dijangka bermula pada 29 Januari 2011, rombongan USIM telah dibawa melihat sekitar tempat-tempat menarik dan bersejarah di Mesir.

Walau bagaimanapun, disebabkan krisis politik yang tidak dijangka telah berlaku di Mesir di mana rakyatnya telah bangun membuat demonstrasi jalanan secara besar-besaran menuntut perubahan tampuk pemerintahan negara, rombongan USIM turut terasa tempiasnya. Perintah berkurung telah dikenakan pada waktu ini, dan rombongan USIM terpaksa menukar rancangan dengan membuat pemilihan bahan-bahan Perpustakaan di kedai-kedai buku penerbit buku Mesir sahaja memandangkan Pesta Buku Antarabangsa Kaherah 2011 telah dibatalkan di saat-saat akhir.

Rombongan USIM sepatutnya dijangka pulang dan sampai ke Malaysia pada 2 Februari 2011, walau bagaimanapun penerbangan ke Malaysia telah dibatalkan di saat-saat akhir oleh syarikat penerbangan menyebabkan rombongan USIM terkandas di lapangan terbang Mesir bersama-sama rakyat Malaysia yang lain. Usaha telah dijalankan oleh rombongan USIM dengan pihak USIM bagi mencari tiket penerbangan syarikat lain untuk pulang ke Malaysia. Rombongan USIM berjaya mendapat tiket lain balik ke Malaysia dengan melalui laluan ke United Arab Emirates terlebih dahulu. Setelah transit di Dubai selama 10 jam, barulah rombongan USIM menaiki pesawat menuju ke Malaysia. Rombongan USIM selamat sampai di Malaysia pada 3 Februari 2011, dalam jam 10.30 malam. Rombongan USIM telah disambut oleh Naib Canselor, Pendaftar dan Ketua Pustakawan USIM. Rombongan USIM mengucapkan syukur kepada Illahi kerana memberikan rahmatNya kepada rombongan USIM untuk kembali dengan selamat ke tanah air.




Kedai Buku Dar- Al-Fikri



Kedai Buku Dar- Al-Fikri



Kedai Buku Dar As-Salam




RETREAT JABATAN PERPUSTAKAAN TAHUN 2011


Port Dickson 12-14 September 2011 – Jabatan Perpustakaan USIM telah mengadakan Retreat Pengurusan dan Hari Keluarga Jabatan Perpustakaan USIM 2011 di Tiara Beach Resort Port Dickson Negeri Sembilan selama tiga hari dua malam. Seramai 73 orang telah menyertai program ini.

Objektif Program Retreat ini adalah untuk meningkatkan kefahaman pekerja terhadap tugas-tugas yang di pertanggungjawabkan di samping melakukan penyelarasan bagi tugasan di setiap unit Jabatan Perpustakaan USIM.

Disamping Retreat ini juga digabungkan bersama Program Hari Keluarga bagi tujuan merapatkan ukhwa dan silaturahim di kalangan kakitangan dan ahli keluarga masing-masing. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti pembentangan tugas, sukaneka dan malam BBQ.

Disediakan oleh : Mohamad Yusrifuddin Yusof dan Nurhaizum Alias





Title : Face-to-Face Communication over the Internet: Emotions in a Web of Culture, Language, and Technology
Editors : Arvid Kappas & Nicole C. Kramer
Publisher : Cambridge University Press
Year : 2011
ISBN : 9780521619974
Call No. : HM741.F33 2011


Non-verbal communication - specifically how we feel, what our attitudes are towards what we want to communicate, and what we want to achieve - are central to this book which discusses how face-to-face interaction via the Internet affects what we can and will do, and its limitations and potential benefits.

This book brings together important chapters for anyone seriously interested in Internet mediated face-to-face social interaction. It is comprehensive, bringing together the thoughts and research of major scholars in this area. It makes the jobs of those creating such virtual interactions whether to further technological development, investigate social interaction experimentally or to create entertainment much more efficiently.

Title : Islamic Entrepreneurship
Authors : Rasem N. Kayed and M. Kabir Hassan
Publisher : Routledge
Year : 2011
ISBN : 9780415584494
Call No. : HB615.K384 2011


This book discusses the idea that there is a specific Islamic form of entrepreneurship. Based on extensive original research amongst small and medium sized enterprises in Saudi Arabia, it shows how businesses are started and how they grow in the context of an Islamic economy and society. It argues that as specific Islamic approaches to a wide range of economic activities are being formulated and implemented, there is indeed a particular Islamic approach to entrepreneurship.

Examining the relationship between Islamic values and entrepreneurial activity, the book considers whether such values can be more effectively used in order to raise the profile of Islamic entrepreneurship, and also to promote alternatives to development in the contemporary business environment. The book analyses the nature of entrepreneurship, and the special qualities of Islamic entrepreneurship, and discusses how the Islamic approach to entrepreneurship can be encouraged and developed.



Title : Television Production Handbook
Author : Herbert Zettl
Publisher : Wadsworth
Year : 2012
ISBN : 9780495898849
Call No. : PN1992.75.Z4 2012

This book emphasizes how production proceeds in the digital age, from idea to image and how it moves through the three major phases, from preproduction to production to postproduction. In this context, reader will learn about the necessary tools, examine what they can and cannot do, and explore how they are used to ensure maximum efficiency and effectiveness. This edition also features the latest digital equipment and production techniques, including HDV and HDTV.



Cahaya Mata

Tahniah kepada kakitangan perpustakaan serta pasangan masing-masing yang telah menyambut kelahiran cahaya mata masing-masing.



**Adam Wafry
bin Marzuki
29 Julai 2011**



Puan Azreena Surya Ahmad
(Pembantu Perpustakaan, Unit Automasi) dan
Encik Marzuki Ismail
(Pembantu Perpustakaan Kanan, Unit Pembangunan Koleksi)

**Abdul Wafiy
bin Muhammad
11 November 2011**



Encik Muhammad Abdullah
(Pembantu Perpustakaan, Unit Sirkulasi)
dan Siti Aida Zulkifli



**Muammar Wazien
bin Muhammad Hafizi
30/09/2011**

Encik Muhammad Hafizi Ahmad
(Pustakawan, Unit Koleksi Undang-Undang)

**Azfar Hadi
bin Azmi
11/11/2011**



Pn. Norlaili Mohd Yusoff @ Lamin
(Pembantu Perpustakaan, Unit Koleksi Undang-Undang)

Selamat Pengantin Baru

**Muhammad b. Abdullah &
Siti Aida bte Zulkifli | 4 Feb 2011**



**Harianti bte Husain &
Norabihusin b. Kaswar | 16 April 2011**





Usim Lib

FOLLOW US
ON FACEBOOK




LAMAN WEB RASMI
PERPUSTAKAAN
USIM
<http://lib.usim.edu.my>

QUALITY SYSTEM
SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2008
PERPUSTAKAAN BERTARAF
KUALITI LESTARI



MAKLUMAN SEMUA....



KAD FOTOSTAT

▶ KINI BOLEH DIDAPATI & DIMILIKI di.....

“PERPUSTAKAAN USIM”
DENGAN KADAR BAYARAN.....

- **KAD BARU (RM 14)**
- **TAMBAH NILAI (RM10)**

Bahagian Perkhidmatan